

18/05/1999

Pelabuhan Klang ada potensi: PM

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia akan menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pusat muatan dan pemindahan serantau setanding Singapura dan Hong Kong, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yakin matlamat itu boleh dicapai kerana Malaysia mempunyai kawasan yang luas untuk dijadikan pusat muatan dan pemindahan ke kapal.

"Pelabuhan Klang akan menjadi pusat dagangan utama di rantau ini kalau ditadbir secara berkesan dan memberi perkhidmatan terbaik.

"Perkhidmatan di pelabuhan sudah meningkat hasil kerja keras pengurusan pelabuhan dan kini pengendalian kontena dan kargo turut meningkat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Pelabuhan Dunia ke-21, di sini hari ini.

Sebelum itu, ketika merasmikan persidangan yang turut dihadiri Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Dr Mahathir berkata Pelabuhan Klang akan dipromosikan sebagai pusat muatan dan pemindahan.

"Bagaimanapun, untuk mencapainya pengendali pelabuhan perlu meningkatkan perkhidmatan bagi memenuhi permintaan pengguna," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sudah menjalankan pelbagai langkah untuk menarik kapal ke Pelabuhan Klang, termasuk melonggarkan dasar, keperluan ekuiti asing di dalam agensi perkapalan, menyediakan kemudahan pentadbiran serenti dan memperbaiki keseluruhan persekitaran pengoperasian pelabuhan.

Menurutnya, kerajaan dan sektor swasta sentiasa bekerja sama dan segala amalan dan inovasi di Koridor Raya Multimedia (MSC) juga akan menyumbang kepada peningkatan kecekapan di pelabuhan itu.

MSC adalah kawasan meliputi 750 km persegi, dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, yang dikhaskan bagi penyelidikan dan pembangunan perisian dan produk IT.

Perdana Menteri berkata, MSC sudah pasti akan merangsangkan pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia.

"Dari segi pengangkutan, ia mungkin tidak menjanakan begitu banyak tetapi secara tidak langsung ia boleh menghasilkan lebih banyak perdagangan dan pembuatan di Malaysia," katanya.

Menurutnya, pelabuhan tidak lagi menjadi tempat perlindungan seperti zaman silam bagi kapal berlabuh, memunggah barang dan menambah stok bekalan makanan dan minuman sahaja.

"Hari ini kapal boleh mengelilingi dunia tanpa bimbang kehabisan minyak atau bekalan. Sekiranya mereka berlabuh di pelabuhan ia adalah kerana mereka perlu memunggah atau mengambil kargo. Oleh itu mereka boleh memilih pelabuhan mana yang mereka ingin kunjungi.

"Sehubungan itu, daya tarikan pelabuhan tidak lagi disebabkan oleh lokasinya yang strategik," katanya.

Selepas menyampaikan ucapan, Dr Mahathir merasmikan pameran perdagangan sempena persidangan seminggu yang dianjurkan oleh Persatuan Antarabangsa Pelabuhan (IAPH) itu.

Ia adalah persidangan kedua anjuran IAPH di rantau ini sepanjang 30 tahun lalu. Persidangan pertama diadakan di Singapura pada 1975.

Penganalisis sebelum ini meramalkan pelabuhan di Malaysia akan mencatatkan kadar pertumbuhan tinggi dengan pelabuhan utama seperti Pulau Pinang, Pelabuhan Klang, Kuantan, Kemaman, Pasir Gudang dan Bintulu dijangka mencapai pertumbuhan yang memberangsangkan.

Pelabuhan terbaru di Malaysia di Tanjung Pelepas, Johor Bahru, yang dirancang dimajukan sepenuhnya dalam lima fasa, dijadual dibuka pada awal tahun depan dan dijangka memperolehi kargo dari Indonesia, Thailand, Myanmar dan Bangladesh yang sebelum ini dikendalikan oleh pelabuhan Singapura.

(END)